

## BAHASA MALAYSIA

### Terma dan Syarat ‘Kempen Win a Trip to London To Watch The Ultimate Football Showdown’

1. “Kempen Win a Trip to London To Watch The Ultimate Football Showdown Campaign” (“Kempen”) dianjurkan oleh by “Maybank Ageas Holdings Berhad “Syarikat”) akan tertakluk pada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini.
2. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta:
  - (a) bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini;
  - (b) bersetuju bahawa setiap rekod transaksi yang direkodkan dalam sistem Etiqa sepanjang Tempoh Kempen ini berdasarkan tarikh dan masa tempatan adalah tepat dan muktamad;
  - (c) bersetuju bahawa setiap dan semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad. Sebarang rayuan atau surat-menyerat tidak akan dilayan;
  - (d) bersetuju untuk membenarkan data peribadi mereka didedahkan kepada pihak-pihak yang dibenarkan termasuk vendor, pembekal, agensi pengiklanan dan promosi yang diupah oleh Etiqa untuk tujuan perhubungan semasa dan selepas Kempen;
  - (e) bersetuju untuk membenarkan Etiqa untuk menyiarkan nama mereka, gambar yang diambil, atau maklumat yang diberikan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti, semasa dan pada masa hadapan, dalam sebarang bahan iklan atau publisiti yang berkaitan dengan Kempen ini tanpa sebarang pampasan;
  - (f) tidak berhak untuk menuntut dan melepaskan sebarang hak kepada sebarang pampasan daripada Etiqa, termasuk pegawai, pekerja, wakil, dan/atau ejennya (termasuk, tanpa sebarang limitasi, pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang diupah oleh Etiqa untuk tujuan Kempen ini) untuk sebarang dan semua kerugian dan kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini, sama ada liabiliti tersebut berlaku berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada pengubahan, pembatalan, atau penangguhan Kempen ini.
  - (g) tidak akan mempertikaikan atau membuat aduan, pengumuman, atau pernyataan umum mengenai perkara yang sama, sama ada dalam bentuk lisan atau bertulis, semasa atau selepas Tempoh Kempen.
3. Kempen ini akan bermula pada 17 Februari 2025 00:00 AM MYT dan berakhir pada 31 Mei 2025 11:59 PM MYT (“Tempoh Kempen”). Penyertaan yang diterima di luar tempoh Kempen akan dibatalkan dan dianggap tidak layak untuk dipertimbangkan.
4. Kelayakan:

#### Kelayakan

Pelanggan (“Pelanggan Layak”) berhak untuk mengumpul penyertaan peraduan dan berpeluang memenangi hadiah sekiranya mereka melaksanakan aktiviti yang dinyatakan dalam Seksyen 6 (“Peruntukan Penyertaan”) di sini dalam Tempoh Kempen dan memenuhi kriteria dibawah berikut:

- Daftar untuk menyertai Kempen melalui Borang Pendaftaran Kempen yang terletak di Aplikasi Etiqa+.
- Pelanggan mempunyai pelan Etiqa Malaysia yang masih berkuatkuasa pada masa cabutan hadiah.
- Pelanggan layak mestilah warganegara Malaysia, menetap di Malaysia, dan berumur 18 tahun ke atas.

- Semua Pelanggan Layak akan secara automatik dimasukkan ke dalam cabutan untuk memenangi hadiah.
- Pelanggan Layak yang tidak mempunyai butiran maklumat yang sah seperti "Alamat", "Alamat E-mel", dan "Nombor Telefon" secara automatik akan dikecualikan daripada kelayakan untuk hadiah.
- Ahli pasukan penganjur dan panel juri, termasuk ahli keluarga terdekat mereka, tidak layak untuk menyertai peraduan ini.

## 5. Hadiah:

Hadiah
<p><b>Hadiah Utama x 5 – Perjalanan 4 Hari 3 Malam ke London untuk Menonton “The Ultimate Football Showdown”</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nikmati perjalanan yang tidak akan dilupakan ke London, termasuk pengalaman eksklusif sebagai VIP untuk menyaksikan Community Shield secara langsung di Stadium Wembley pada hari Sabtu, 9 Ogos 2025.</li> <li>• Tiket penerbangan pergi balik kelas ekonomi untuk satu (1) penumpang dari Kuala Lumpur, Malaysia, ke London, United Kingdom. Pemenang bertanggungjawab atas pengangkutan sendiri ke dan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).</li> <li>• Tarikh perjalanan akan ditentukan oleh Etiqa semasa tempahan dibuat.</li> <li>• Penginapan selama tiga (3) malam di bilik tunggal di hotel bertaraf 4 bintang di London, yang dipilih oleh Etiqa dan tertakluk kepada ketersediaan.</li> <li>• Satu (1) tiket untuk menyaksikan Community Shield secara langsung pada "Hari Perlawanan" di Stadium Wembley.</li> <li>• Semua pengangkutan, termasuk pemindahan lapangan terbang, pengangkutan darat, dan aktiviti pelancongan yang terhad kepada jadual perjalanan yang dirancang oleh Etiqa, akan ditanggung oleh Etiqa.</li> <li>• Hadiah Utama tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dikembalikan, dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai. Jika pemenang tidak dapat atau enggan menerima hadiah tersebut, pemenang alternatif akan dipilih.</li> <li>• Pemenang Hadiah Utama mesti memiliki atau dapat memperoleh pasport yang sah dan sebarang visa yang diperlukan sebelum tempahan penerbangan dibuat.</li> <li>• Pemenang tidak boleh mempunyai sebarang sabitan atau perintah mahkamah yang menghalang mereka secara sah memasuki United Kingdom.</li> <li>• Dengan menerima Hadiah Utama, pemenang memberikan hak kepada Etiqa untuk menggunakan nama, foto, video, suara, dan rupa mereka untuk tujuan promosi dan pemasaran, tanpa sebarang tuntutan royalti atau pampasan.</li> </ul>

Hadiah Saguhati x 50 - Kit Sorak Hari Perlawanan Bola Sepak:
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kit Sorak Hari Perlawanan Bola Sepak terdiri daripada barang-barang di bawah: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ 1x Beg Duffle</li> <li>○ 1x Topi</li> </ul> </li> </ul>

<ul style="list-style-type: none"> <li>○ 1x Tuala</li> <li>○ 1x Jersi Etiqa PlayOn</li> <li>● Setiap Pakej Hadiyah Saguhati akan dihantar melalui pos/kurier ke alamat yang diberikan dalam permohonan pendaftaran kempen, dengan syarat alamat tersebut berada di Malaysia.</li> <li>● Hadiah Saguhati tidak boleh dikembalikan, ditukar, atau ditebus dengan wang tunai.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pada akhir Tempoh Kempen, akan terdapat sebanyak lima (5) Pemenang Hadiah Utama dan lima puluh (50) Pemenang Hadiah Saguhati.</li> <li>● Pemenang ditentukan menggunakan alat pengacakkan.</li> <li>● Setiap pelanggan yang layak hanya dibenarkan memenangi satu hadiah sahaja.</li> <li>● Hadiah Utama dan Hadiah Saguhati yang disediakan tidak bertujuan untuk menjadi variasi kepada terma dan syarat polisi / sijil yang dikeluarkan, yang tertakluk kepada peraturan pemprosesan atau penjaminan standard Syarikat. Hadiah hanya akan dihantar kepada pelanggan selewat-lewatnya pada 30 Jun 2025 selepas satu (1) bulan daripada Tempoh Kempen berakhir), iaitu pada 31 Mei 2025.</li> <li>● Pemenang akan dihubungi menggunakan maklumat yang diberikan semasa pendaftaran kempen.</li> <li>● Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dikembalikan, dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai.</li> <li>● Hadiah hanya akan dihantar kepada setiap Pemenang sekali sahaja. Sebarang kegagalan untuk menerima atau mengambil penghantaran tidak akan diganti, dan permintaan untuk mengutip hadiah tidak akan dilayan.</li> <li>● Pengajur berhak untuk menggantikan Hadiah dengan mana-mana item yang setara nilainya tanpa notis awal. Semua hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dikembalikan, dan/atau tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, atau mana-mana item lain dan akan diberikan dalam keadaan “sedia ada”.</li> <li>● Mana-mana Pemenang yang tidak ingin menerima hadiah atau enggan mengesahkan penerimaan Terma ini apabila dipilih sebagai pemenang, berhak untuk melepaskan hadiah tersebut dan pelanggan layak yang lain akan dipilih.</li> <li>● Pemenang bertanggungjawab terhadap sebarang dan semua cukai yang perlu dibayar akibat daripada pemberian Hadiah (jika berkenaan).</li> </ul>
---	--

## 6. Peruntukan Penyertaan:

Peruntukan Penyertaan:		
Aktiviti-aktiviti	No. Penyertaan	
Penyertaan, pembaharuan, atau tambah manfaat	Tier 1: RM5,000 dan ke atas (Jumlah Sumbangan Tahunan / Pembayaran Premium / Manfaat Tambahan)	10 penyertaan

perlindungan dalam Tempoh Kempen	Tier 2: RM1,000 – RM4,999 (Jumlah Sumbangan Tahunan / Pembayaran Premium / Manfaat Tambahan)	5 penyertaan	
	Tier 3: RM100 – RM999 (Jumlah Sumbangan Tahunan / Pembayaran Premium / Manfaat Tambahan)	2 penyertaan	
Aktiviti lain-lain	Muat turun dan daftar aplikasi Etiqa+	1 penyertaan	
	Aktifkan Pandu Kurang Lebih Jimat (DLSM)	1 penyertaan <i>Setiap kenderaan, setiap polisi / sijil</i>	
	Hantar bacaan odometer Pandu Kurang Lebih Jimat (DLSM) untuk dapatkan pulangan tunai	1 penyertaan <i>Had kepada 3 penyertaan bagi setiap pengguna unik.</i>	
	Buat bayaran dengan kad kredit Maybank	1 penyertaan	

**Contoh Senario:**

Senario Pelanggan A	Penyertaan Diperoleh
Pada 15 Mac 2025, Pelanggan A menyertai Pelan Perlindungan Kereta dengan nilai perlindungan RM800.	Pelanggan mendapat 2 penyertaan
Pada 16 Mac 2025, Pelanggan A memuat turun aplikasi Etiqa+.	Pelanggan mendapat 1 penyertaan.
Pada 16 Mac 2025, Pelanggan mengaktifkan Pandu Kurang Lebih Jimat (DLSM).	Pelanggan mendapat 1 penyertaan.
Pada 2 April 2025, Pelanggan A menyertai untuk Pelan Perlindungan Perjalanan bernilai RM200.	Pelanggan mendapat 1 penyertaan.
Pada 15 Mei 2025, Pelanggan menyertai Pelan Simpanan Etiqa dengan nilai premium / sumbangan tahunan sebanyak RM5,400.	Pelanggan mendapat 10 penyertaan.
<b>Kempen berakhir pada 31 Mei 2025</b>	<b>Pelanggan A mempunyai jumlah keseluruhan 16 penyertaan.</b>

**Notis Privasi Etiqa**

7. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta bersetuju untuk membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Pengajur selaras dengan Notis Privasi Etiqa yang dapat dilihat di [www.etiqa.com.my](http://www.etiqa.com.my) ("Notis Privasi Etiqa").
8. Di samping itu, dan tanpa menjelaskan syarat-syarat di dalam Notis Privasi Etiqa, dan tertakluk pada arahan bertulis daripada Peserta untuk merahsiakan (jika berkenaan) butirannya daripada digunakan untuk tujuan aktiviti pemasaran, Peserta bersetuju data atau maklumat peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Pengajur untuk:

- (a) tujuan-tujuan Kempen ini;
- (b) aktiviti pemasaran dan promosi dilakukan dengan cara yang difikirkan sesuai oleh Penganjur di mana-mana media termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk media iklan atau publisiti atau bahan seperti rakaman audio dan/atau visual yang disiarkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau dalam talian dan media digital dan di Internet, tanpa persetujuan lanjut daripada Peserta. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tanpa batasan bagi penggunaan dan/atau berkaitan dengan entri, bahan wawancara serta respons dan gambar-gambar yang berkaitan. Sehubungan dengan itu, setiap Peserta bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai tanpa persetujuan dan/atau pertimbangan lebih lanjut, dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Penganjur yang munasabah yang berkaitan dengan Kempen ini.
9. Etiqa berhak untuk:
- (a) Membatalkan kelayakan mana-mana Perserta yang tidak layak mengikut budi bercara mutlaknya daripada menyertai Kempen;
- (b) menarik/ membatalkan, menangguhkan, memanjangkan atau menghentikan Kempen lebih awal secara keseluruhan atau secara sebahagian sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Penganjur. Penganjur juga berhak untuk meminda, menambah, memadam, mengubah atau mengubah suai mana-mana Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberikan notis awal dalam tempoh yang dianggap munasabah dan notis tersebut akan diposkan di [www.etiqa.com.my](http://www.etiqa.com.my) atau melalui saluran lain yang difikirkan sesuai oleh Penganjur dan oleh itu, butiran-butiran yang dipindah tersebut akan dianggap berkuat kuasa dan akan dibaca dan ditafsirkan seolah-olah butiran yang telah dipindah tersebut telah dimasukkan ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Terma dan Syarat.
10. Etiqa, termasuk pegawai, pekerja, wakil, dan/atau ejennya (termasuk, tanpa sebarang had, pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang diupah oleh Etiqa untuk tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan atau sebarang bentuk liabiliti yang ditanggung oleh Peserta yang dihasilkan secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan Peserta dalam Kempen ini atau sebaliknya. Sebagai tambahan, Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas pelanggaran kewajibannya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh sebarang peristiwa *force majeure*, termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan Tuhan, perang, rusuhan, sekatan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik atau sebarang kejadian di luar kawalan yang wajar oleh Penganjur.
11. Terma dan Syarat ini tertakluk di bawah dan ditafsirkan sesuai dengan Undang-undang Malaysia dan Peserta bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.